

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD  
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD**

**KAWASAN : KUALA KANGSAR**

**NO. SOALAN : 55**

YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tahap eksport negara ekoran daripada kejatuhan ringgit yang berlaku kini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Prestasi eksport negara bagi tahun 2014 masih kukuh dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 6.4% bernilai RM766.13 bilion berbanding RM719.99 bilion pada tahun 2013.

Perdagangan dan eksport luar Malaysia pada tahun 2015 disasarkan akan mencatatkan pertumbuhan yang sederhana iaitu sekitar 2% hingga 3% berdasarkan keadaan pasaran semasa di mana permintaan global

yang perlahan dan harga komoditi yang rendah. Walau bagaimanapun, perdagangan dan eksport luar Malaysia di jangka akan menerima kesan positif daripada:

- Pengukuhkan permintaan daripada negara-negara berpendapatan tinggi seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom; dan
- Nilai dolar Amerika Syarikat yang tinggi dan penyusutan nilai ringgit.

Tuan Yang Di Pertua,

Kejatuhan nilai Ringgit memberikan kesan atau impak berbeza kepada ekonomi bergantung kepada jenis industri. Bagi industri yang menggunakan mata wang dolar Amerika Syarikat (AS\$) dalam urusan jual dan belinya seperti sektor elektronik, impaknya tidak begitu signifikan. Ini adalah disebabkan industri ini kebanyakannya membeli bahan-bahan input pengeluaran di dalam mata wang dolar Amerika Syarikat dan menjual produk akhir mereka di dalam mata wang dollar Amerika Syarikat.

~~labour RM~~  
input US\$ output RM?

Manakala, bagi industri yang membeli bahan-bahan input pengeluaran dengan menggunakan Ringgit Malaysia dan mengeksport produk akhir dalam mata wang dollar Amerika Syarikat, industri ini akan menerima kesan pertukaran mata wang positif iaitu dengan membawa pendapatan yang lebih dalam matawang Ringgit. Sebagai contoh industri perladangan kelapa sawit yang membeli bahan-bahan input seperti baja dalam Ringgit Malaysia dan mengeksport produk minyak sawit mentah dalam mata wang dolar Amerika Syarikat.

Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit dijangka tidak memberi kesan negatif yang ketara ke atas eksport semasa negara.